

Headline	Suburkan budaya debat kalangan pelajar: MB		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	16 Apr 2019	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	61	ArticleSize	269 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 8,942
Journalist	N/A	PR Value	RM 26,825
Frequency	Daily		



Suburkan budaya debat kalangan pelajar: MB

[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]



Amirudin menyampaikan trofi kepada pasukan UiTM yang dinobat juara Pertandingan Debat Piala Menteri Besar Selangor di UNISEL, Bestari Jaya, semalam. Yang turut serta, Presiden dan Naib Canselor UNISEL, Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman (empat dari kanan).

Bestari Jaya: Pelajar pada peringkat sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT) perlu diberi lebih banyak ruang serta kebebasan untuk menyertai aktiviti debat, kata Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.

Beliau berkata, ia selaras dasar Malaysia Baharu yang mengamalkan keterbukaan untuk semua pihak menyuarakan pandangan, idea dan kritikan.

"Kira-kira 20 tahun lalu, saya juga seperti mahasiswa hari ini cukup bersemangat menjadi sebahagian daripada pasukan debat universiti.

"Oleh itu, kita perlu mewujudkan budaya debat dalam kalangan pelajar. Dunia debat boleh menjamkan akal dan fikiran. Debat akan mewujudkan set disiplin untuk kita mencari maklumat sahih.

"Hujah debat bukan berdasarkan sentimen semata-mata.

Debat tidak akan menerima 'fakta dari langit' atau retorik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutup Pertandingan Debat Piala Menteri Besar Selangor di kampus induk Universiti Selangor (UNISEL), di sini, semalam.

Corak hala tuju negara

Amirudin berkata, demokrasi bukan semata-mata proses pilihan raya umum (PRU) sekali dalam tempoh lima tahun, sebaliknya memerlukan pembabitan semua peringkat untuk mencorak hala tuju negara.

"Inilah kelebihan politik demokrasi dengan perdebatan sihat yang sentiasa menjadi ukuran semak dan imbang kepada pentadbiran negara.

"Kemajuan demokrasi sesebuah negara juga akan menjadi lebih

baik jika media diberi kebebasan, manakala ahli akademik berperanan sebagai intelektual awam," katanya.

Terdahulu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dinobat sebagai juara Pertandingan Debat Piala Menteri Besar Selangor apabila menewaskan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Pasukan johan yang membawa pulang hadiah wang tunai RM8,000 bersama trofi dan piala pusingan, dibarisi oleh Muhammad Ikmal Khaa Johan, Muhammad Azizi Hamil, Nurul Syafiqah Zamri serta Muhammad Shafiq Jebat.

Pasukan IPGM yang dibarisi Siti Nur Shafika Md Fakharuzi, Nur Aly Aqilah Mohd Nordin, Mohd Amirul Asyraf Alias dan Nur Aisha Marzuki pula menerima hadiah wang tunai RM5,000 bersama trofi serta piala pusingan.

Headline	MPSepang sedia 717 tapak bazar Ramadan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	62	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,878
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,634



MPSepang sedia 717 tapak bazar Ramadan

Cyberjaya: Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) menyediakan sebanyak 13 lokasi membabitkan 717 tapak untuk bazar Ramadan tahun ini.

Yang Dipertuaanya, Mohd Fauzi Mohd Yatim, berkata lokasi itu meliputi Cyberjaya, Taman Mas, Sungai Merab, Desa Pinggiran Putra, Taman Ambar, Dengkil Jaya, Sungai Pelek, Sepang Putra, Kip-mall Kota Warisan, Kosmopoleks, Salak dan Taman Putra Perdana.

Beliau berkata, permohonan tapak bazar Ramadan itu dibuka kepada warganegara dan penduduk tempatan secara 'siapa cepat,

dia dapat' dengan undian tapak berlangsung 25 hingga 28 Mac lalu mengikut kawasan.

"Seperti sebelum ini, MPSepang meneruskan kempen pengurangan penggunaan beg plastik dan penyedut minuman plastik serta menggalakkan penggunaan produk biodegradasi atau mudah urai di bazar Ramadan bagi memupuk kesedaran orang ramai terhadap penjagaan alam sekitar," katanya.

Selain itu, Mohd Fauzi berkata, peniaga dan pembantu wajib mendapatkan suntikan typhoid, selain menjaga kebersihan makanan.



Mohd Fauzi Mohd Yatim

Beliau berkata, orang ramai turut dinasihati bersikap memilih dan lebih teliti dalam aspek kebersihan ketika membeli makanan di bazar Ramadan untuk mengelakkan insiden keracunan makanan.

Tampil imej bersih

"Bagi meningkatkan imej dan persaingan sihat dalam kalangan peniaga, MPSepang menyarankan mereka supaya lebih kreatif serta menampilkan imej bersih dalam mempromosikan produk masing-masing.

"Perkara ini penting kerana ia

menjadi penanda aras dalam memilih calon peniaga terbaik. Mereka yang dipilih akan diraikan pada majlis rasmi anjuran MPSepang," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Fauzi berkata, MPSepang bekerjasama dengan syarikat Best Marketing & Distribution Sdn Bhd untuk menawarkan harga promosi barang kering kepada peniaga bazar Ramadan tahun ini.

Beliau berkata, usaha itu ialah antara inisiatif dan kehirianan pihaknya untuk membantu meringankan beban kos ditanggung peniaga.

Headline	UiTM Puncak Alam adakan Kongres Makanan Warisan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	63	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	336 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,126
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,378



UiTM Puncak Alam adakan Kongres Makanan Warisan

Shah Alam: Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam akan mengadakan Kongres Makanan Warisan (KMW) 2019 bertema 'Definisi dan Identiti Makanan Warisan Melayu' pada 23 dan 24 April ini.

Kongres itu dianjurkan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) melalui Jabatan Seni Kuliner dan Gastronomi, bersama Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor (PADAT), Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM serta Jabatan Warisan Negara.

Dekan FPHP, Prof Dr Mohd Sa-lehudin Mohd Zahari, berkata banyak makanan warisan yang pupus dan semakin dilupakan, terutama generasi muda.

"Kita tidak boleh lari daripada

modenasi. Jika dahulu ketupat nasi disedia menggunakan daun kelapa, tetapi kini ada pilihan dibungkus dalam plastik."

Keaslian rasa perlu kekal

"Cara mungkin berubah, tetapi keaslian rasa makanan itu perlu dikekalkan supaya generasi akan datang mengetahui rasa sebenar sesuatu makanan warisan," katanya kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Kongres Makanan Warisan 2019, di sini.

Beliau berkata, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan mencemar duli hadir merasmikan kongres itu, malah baginda akan melakukan satu demonstrasi menyediakan makanan warisan kerabu.



Mohd Salehuddin (duduk dua dari kanan) dan Zainal (duduk dua dari kiri) bersama pengajar serta cef pada Pelancaran Kongres Makanan Warisan 2019 di Shah Alam.

Mengulas lanjut, program itu adalah hasil cetusan idea bekas Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said, yang mahu makanan warisan diangkat ke tahap lebih tinggi agar tidak luput ditelan zaman.

"Pada kongres dua hari itu, tujuh pembentangan akan disampaikan oleh jemputan khas, termasuk Tan Sri Dr Rais Yatim; penyandang Kurssi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Zainal Kling; Ketua Penolong Pengarah



Banyak makanan warisan yang pupus dan semakin dilupakan, terutama generasi muda"

Mohd Salehuddin Mohd Zahari,
Dekan FPHP

Jabatan Warisan Negara, Junaidah Salleh; Presiden Persatuan Pendidikan Malaysia, Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Ahmad Bajunid; dan Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, Datuk Paiman Keromo.

"Saya berharap kongres ini bukan sahaja memberi peluang kepada ahli akademik, pengamal dan pemain industri untuk membangunkan serta berkongsi pengetahuan, tetapi juga mengembangkan rantai jalinan kerjasama," katanya.

Headline	Penduduk desak TNB tukar laluan PROJEK TALIAN PENGHANTARAN ELEKTRIK		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	63	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	478 cm ²
Journalist	Oleh Norzamira Che	AdValue	RM 15,828
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,484



PROJEK TALIAN PENGHANTARAN ELEKTRIK

Penduduk desak TNB tukar laluan

→ Cadangan projek babitkan kawasan kediaman, kebun

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Tanjung Karang

Pemilik 255 lot tanah di daerah Kuala Selangor dan Tanjung Karang mendesak supaya laluan projek talian penghantaran elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) dari pencawang masuk utama (PMU) Sungai Manik ke PMU Kuala Selangor ditukar.

“Berikutnya laluan dicadangkan TNB bagi projek itu melalui tanah milik penduduk berkenaan yang antara lain membabitkan kawasan kediaman dan kebun.

Seorang daripada pemilik tanah terabit yang juga peguam, Mohaji Selamat, berkata pengambilan tanah untuk projek itu membabitkan daerah Kuala Selangor, Tanjung Karang, Sungai Besar dan Sabak Bernam.

“Pengambilan tanah berkenaan masih pada peringkat cadangan. Surat dikeluarkan pada Oktober tahun lalu dan penduduk ada tem-



Penduduk pada sesi dialog mengenai projek talian penghantaran elektrik TNB dari PMU Sungai Manik ke PMU Kuala Selangor di Pusat Khidmat Homestay Sungai Sireh, Tanjung Karang, baru-baru ini.

poh 12 bulan membantah cadangan itu.

“Pada Februari lalu, kami menghantar memorandum berserta cadangan laluan baharu yang tidak perlu melalui tanah milik penduduk, kepada Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor, Pejabat Menteri Besar, TNB dan beberapa pihak berkaitan.

“Bagaimanapun hingga kini, masih belum mendapat maklumat balas daripada mereka,” katanya ketika ditemui pada sesi dialog di Pusat Khidmat Homestay Sungai Sireh, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir pada sesi dialog

itu ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Burong, Datuk Mohd Shamsudin Lias.

Tanah rizab Melayu

Mohaji berkata, tanah di kampung terabit adalah rizab Melayu yang rata-rata penduduk mewarisinya daripada ibu bapa mereka.

Katanya, mereka jelaskan bahawa projek itu adalah projek rakyat dan bukan membantah sebab meningkatkan diri.

Sebaliknya, beliau berkata, banahan dibuat kerana ada jalan alternatif yang boleh digunakan, selain melalui tanah milik pen-

duduk kampung terabit.

“Kami mencadangkan hutan simpan bersebelahan dijadikan laluan projek berkenaan dan mengikut Seksyen 11 Akta 313 (Akta Perhutanan Negara 1984), kerajaan negeri boleh mengeluarkan rizab hutan simpan untuk tujuan pembangunan,” katanya.

Mohd Shamsudin pula berpendangan sekiranya kes terabit dibawa ke mahkamah, agak sukar untuk penduduk menang kerana projek berkenaan dilakukan untuk kepentingan awam dan bukan individu.

“Penduduk boleh membantah,

tetapi harus bersepudu dan separat. Jika boleh, dapatkan maklumat lengkap penduduk kampung lain yang ingin membantah cadangan laluan itu bagi meyakinkan pihak kerajaan negeri serta TNB,” katanya.

Sementara itu pada perkembangan terbaru, Mohaji berkata, Jawatankuasa Bantahan Projek TNB Mukim Tanjung Karang sudah memberahkan memorandum baharu, semalam, supaya Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor mempertimbangkan pengambilan rizab hutan simpan untuk menggantikan laluan projek berkenaan.

Headline	Syahmi atas Safawi, Akhyar		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	16 Apr 2019	Circulation	82,252
Section	Sukan	Readership	246,756
Page No	78,80	ArticleSize	561 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 18,648
Journalist	N/A	PR Value	RM 55,943
Frequency	Daily		



Diogo pemain termahal Liga Malaysia

Penyerang Johor Darul Ta'zim, Diogo Luis Santo miliki status pemain termahal dalam kancan Liga Malaysia dengan nilai pasarnya cecah £900,000 (RM4.8 juta) sementara pertahanan Selangor, Syahmi Safari dapat tanda harga paling tinggi bagi pemain tempatan bawah 22 tahun. Ikuti laporan Zulfaizan Mansor **Ms.78**



Syahmi atas Safawi, Akhyar

Kuala Lumpur: Penyerang import Johor Darul Ta'zim (JDT), Diogo Luis Santo mendapat status sebagai pemain termahal dalam kancan Liga Malaysia dengan nilai pasarnya dianggarkan mencakup £900,000 (RM4.8 juta).

Nilai pemain Brazil itu diambil berdasarkan harga pasaran yang dibuat di laman web www.transfermarkt.co.uk.

Seorang lagi pemain JDT, Leandro Velazquez dan pemain Terengganu, Sanjar Shaakhmedov pula berada di kedudukan dengan kedu-duanya dinilai pada harga £720,000 (RM3.8 juta).

Mauricio Nascimento dan Gonzalo Cabrera melengkapkan penugasan kelompok tiga teratas pemain import paling mahal Liga Super milik JDT selepas menduduki tempat ketiga dengan masing-masing diberikan tanda harga £675,000 (RM3.6 juta).

Tidak cukup dengan itu, JDT

turut memiliki pemain berdarah campuran paling mahal dengan Natxo Insa bernilai £720,000 (RM3.8 juta), manakala La'Vere Corbin-Ong pula £248,000 (RM1.3 juta).

Nilai itu mengatasi harga pasaran yang diberikan kepada pemain naturalisasi pertama negara yang juga tongak Pahang, Mohamadou Sumareh yang bernilai £225,000 (RM1.2 juta).

Pengerah Urusan Action Football Asia (M) Sdn Bhd, Effendi Jagan Abdullah mengakui laman web berkewajipan turut menjadi rujukan kepada ejen pemain atau pasukan yang sedang mengintai pemain bagi melihat anggaran harga pasaran pemain yang dicari.

Keputusan akhir

Dia yang sudah lebih 15 tahun terbabit sebagai ejen pemain berkata, nilai yang diletakkan ke atas seseorang pemain berdasarkan beberapa faktor utama.

"Antara faktor utama penilaian termasuk latar belakang pemain, tempoh kontrak, usia, pengalaman (bersama kelab dan negara), tahap liga dan kelab yang disertai, prestasi serta pencapaian yang diraih termasuk di peringkat kelab dan negara," katanya kepada *BH Sukan*.

Selain itu, dua pemain tengah berpengalaman, Safiq Rahim dan Baddrol Bakhtiar mengungguli dua kelompok teratas pemain tempatan apabila masing-masing dinilai pada harga £360,000 (RM1.9 juta) dan £315,000 (RM1.6 juta).

Bagi pemain muda tempatan bawah 22 (B-22) tahun pula, Syahmi Safari diletakkan sebagai paling mahal dengan nilai £90,000 (RM485,000), walaupun sebelum ini Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) dilaporkan meletakkan klause pelepasan berjumlah RM6 juta dalam kontrak tongak pertahanan itu.

Pemenang Anugerah Pemain Paling Bernilai Liga Malaysia

musim lalu, Safawi Rasid pula berada di kedudukan kedua dengan nilai £68,000 (RM366,000).

Sementara itu, Akhyar Rashid yang sebelum ini diletakkan klause pelepasan mencecah RM12 juta oleh JDT hanya dinilai pada harga £45,000 (RM242,000) oleh www.transfermarkt.co.uk.

Mengulas lanjut, Effendi berkata, walaupun laman web berkenaan meletakkan nilai tertentu ke atas seseorang pemain, namun kuasa meletakkan nilai' sebenar tetap berada di tangan kelab mereka.

"Contohnya nilai Diogo yang hampir RM5 juta, tapi tak mustahil nilai itu boleh jadi lebih lagi atau kurang daripada jumlah yang diletakkan dalam laman web itu."

"Jadi, nilai sebenar pemain adalah berdasarkan keputusan akhir rundingan yang dibuat sebelum perpindahan seseorang pemain dimuktamadkan," katanya.

NILAI PASARAN PEMAIN

PEMAIN IMPORT

1. Diogo Luis Santo (JDT): £900,000 (RM4.8 juta)
2. Leandro Velazquez (JDT): £720,000 (RM3.8 juta)
3. Sanjar Shaakhmedov (Terengganu): £720,000 (RM3.8 juta)
4. Mauricio Nascimento (JDT): £675,000 (RM3.6 juta)
5. Gonzalo Cabrera (JDT): £675,000 (RM3.6 juta)
6. Ze Love (Pahang): £630,000 (RM3.4 juta)
7. Wander Luiz (Perak): £495,000 (RM2.6 juta)
8. Uridon Krasniq (Melaka United): £450,000 (RM2.4 juta)
9. Dickson Nwakaeme (Pahang): £460,000 (RM2.4 juta)
10. Giancarlo Rodrigues (PKNS) - £405,000 (RM2.1 juta)

NATURILISASI/BERDARAH CAMPURAN

1. Natxo Insa: £720,000 (RM3.8 juta)
2. La'Vere Corbin-Ong: £248,000 (RM1.3 juta)
3. Mohamadou Sumareh: £225,000 (RM1.2 juta)

PEMAIN TEMPATAN

1. Safiq Rahim: £360,000 (RM1.9 juta)
2. Baddrol Bakhtiar: £315,000 (RM1.6 juta)
3. Radin Arman: £180,000 (RM970,000)
4. Syaiful Ahmad: £158,000 (RM851,000)
5. Hazwan Bakri: £158,000 (RM851,000)

PEMAIN TEMPATAN BESAR

1. Syahmi Safari: £90,000 (RM485,000)
2. Safawi Rasid: £68,000 (RM366,000)
3. Akhyar Rashid: £45,000 (RM242,000)

Headline	Penjawat awam jangan terlalu selesa		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	18	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,024
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,073



Amirudin (duduk, lima dari kiri) bergambar bersama penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang di Shah Alam, semalam.

Penjawat awam jangan terlalu selesa

SHAH ALAM - Penjawat awam di Selangor diingatkan tidak terlalu selesa sebaliknya terus meningkatkan prestasi kerja untuk kekal bersaing di peringkat lebih tinggi.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, Selangor bakal menjadi pesaing utama kepada negara-negara di rantau Asia menjelang 2015 dan penjawat awam di negeri ini perlu sentiasa bersiap-sedia.

“Kita (penjawat awam) kena sentiasa terbuka dengan meningkatkan prestasi kerja dan berfikiran lebih terbuka untuk bersaing di peringkat lebih tinggi.

“Selangor bangga menjadi negeri terbaik di Malaysia namun apabila di peringkat lebih luas, kita kena bersedia untuk bersaing,” katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 dan Anugerah Jasamu Dikenang 2019, di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, semalam.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, tugas sebagai penjawat awam menuntut pengorbanan yang tinggi dalam memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik dan berkualiti kepada masyarakat.

“Untuk menyempurnakan amanah yang dipertanggungjawabkan ini, kita perlu sentiasa mempraktikkan dan menitik beratkan beberapa prinsip dasar bekerja seperti ketepatan masa dan fakta, ketelitian serta penyampaian maklumat terperinci dalam pelaksanaan tugas.

“Sekiranya prinsip ini diamalkan, saya yakin dan percaya pentadbiran SUK Selangor mampu menghasilkan modal insan dan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti serta bertaraf dunia,” katanya.

Beliau berkata, majlis penyampaian anugerah itu bertujuan mengiktiraf prestasi kerja cemerlang yang oleh penerima yang dipilih.

Headline	Selami resah penduduk		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	21	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	850 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,020
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,060



Selami resah penduduk

ADUN Gombak Setia bantu selesai masalah banjir kilat

Apakah punca kejadian banjir kilat di Taman Mutiara Gombak 2?

MUHAMMAD HILMAN: Kejadian berpunca daripada pembangunan rancak di sekitar kawasan terabit, khususnya Projek Pelebaran Lebuhraya Lingkaran Tengah (MRR2) dan projek pembangunan kediaman. Ketiga-tiga kawasan ini berada pada aras tapak pembangunan berbeza.

Fenomena perubahan cuaca mengakibatkan taburan hujan yang tinggi pada masa singkat dan mengakibatkan lebihan air daripada Projek Pelebaran MRR2 melimpah ke tapak projek dan akhirnya mengakibatkan bencana kepada Taman Mutiara Gombak 2.

Hal ini berlaku akibat kegagalan pemaju mematuhi syarat-syarat pemajuan seperti ditetapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Apakah tindakan YB sebaik kejadian ini berlaku?

MUHAMMAD HILMAN: Kawasan kediaman Taman Mutia-

Pada 4 April lalu, penduduk di Taman Mutiara Gombak 2 cemas dilanda banjir kilat sehingga menyebabkan kediamaan mereka retak dan beberapa tembok rumah runtuh.

Kejadian itu dipercayai berpunca daripada projek pembangunan giat dilaksanakan berhampiran kawasan terabit yang mengakibatkan lebihan air ketika hujan.

Lebih menyedihkan, penduduk terlibat perlu menanggung kerugian yang tinggi susulan masalah keretakan dan runtuhnya tembok.

Susulan kejadian itu, ADUN Gombak Setia, MUHAMMAD HILMAN IDHAM turut prihatin dengan nasib malang memimpin penduduk terlibat dan mengambil beberapa pendekatan bagi membantu penduduk terlibat.

Ikuti wawancara Wartawan Sinar Harian, ASYRAF MUHAMMAD bersama wakil rakyat itu yang berkongsi dengan lebih lanjut mengenai punca dan langkah-langkah diambil dalam menangani isu tersebut.

ra Gombak ini bukanlah asing kepada saya. Saya sering berkunjung ke kawasan tersebut untuk bersama-sama dengan masyarakat di sana, khususnya Komuniti Surau Al-Mukmin yang menjadi wadah kepada aktiviti kemasyarakatan di kawasan tersebut.

Kejadian berlaku pada petang, 4 April lalu dan kira-kira jam 4.45 petang, saya dimaklumkan oleh penduduk setempat tentang kejadian banjir kilat yang berlaku sehingga mengakibatkan keretakan pada struktur kediaman dan beberapa tembok runtuh.

Oleh sebab itu, saya segera menghubungi Pemangku Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Selangor (MPS) dan mencadangkan supaya Notis Memberhentianan Kerja di tapak projek dikeluarkan serta-merta bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan penduduk Taman Mutiara Gombak 2.

Alhamdulillah, MPS telah mengambil tindakan yang cukup pantas untuk mengeluarkan notis tersebut dan saya turut mengarahkan supaya Jabatan Kejuruteraan MPS supaya segera turun



Muhammad Hilman menjelaskan mengenai isu yang melanda penduduk di Taman Mutiara Gombak 2.

padang pada petang kejadian untuk memastikan segala langkah susulan sewajarnya dapat diambil serta-merta.

Difahamkan YB telah mengadakan pertemuan dengan semua agensi terlibat untuk mencari penyelesaian terhadap isu ini. Apakah usaha yang telah diambil ?

MUHAMMAD HILMAN: Mesyuarat dan lawatan tapak bersama agensi-agensi teknikal seperti JPS Gombak, Jabatan Kerja Raya (JKR) Gombak, JKR Cawangan yang mengurus Projek MRR2, MPS, pemaju, Jurutera Perunding Profesional dan penduduk Taman Mutiara Gombak 2.

Perjumpaan diadakan dua kali iaitu pada 8 dan 9 April lalu dan hasil perbincangan daripada lawatan tapak dan perbincangan tersebut, kita telah mengarahkan supaya pemaju mengambil tinjakan penyelesaian jangka masa panjang melalui cadangan diusulkan oleh Jurutera Perunding Profesional yang dilantik oleh pihak pemaju.

Pemaju juga akan bersetuju untuk membina 'cut of drain' dan kolam mendapan baharu yang akan disalurkan langsung ke longkang sedia ada di Jalan Anjung Melati.

Pemaju juga akan mendirikan tembok penahan 'reinforce concrete' bagi menyambungkan tembok pagar perumahan Taman Mutiara Gombak bersama tembok penahan yang sedi ada di tapak dan memasang 'sand bag' setinggi 1.5 meter dengan 20 meter panjang melalui cadangan diusulkan oleh Jurutera Perunding Profesional yang dilantik oleh pihak pemaju.

Perkara ini turut diteliti dan dipersetujui JPS Gombak yang bertindak sebagai pakar rujuk. Selain daripada itu, JKR melalui projek melebarkan MRR2 juga bersetuju mengemukakan cadangan mengalihkan aliran air yang selama ini melalui tanah

individu ke arah bertentangan iaitu ke arah Sungai Gombak.

Pelaksanaan ini akan mengurangkan risiko lebihan air melimpah ke kawasan yang lebih rendah termasuk ke kawasan projek perumahan dan Taman Mutiara Gombak. Kos anggaran ini juga dikemukakan salinannya kepada Pejabat DUN Gombak Setia bagi pemakluman dan akan saya angkat kepada pihak Kementerian Kerja Raya. Pada masa yang sama, kerja-kerja mitigasi oleh pihak pemaju telah pun dimulakan di tapak sejak 10 April lalu.

Apakah tindakan yang harus dilaksanakan oleh pemaju untuk jangka masa panjang?

MUHAMMAD HILMAN: Bagi langkah jangka panjang, pihak pemaju dikehendaki mematuhi syarat-syarat pemajuan oleh JPS Gombak terlebih dahulu.

Saya juga telah mengingatkan pihak MPS supaya tidak menarik semula notis henti kerja sehingga semua langkah-langkah yang dipersetujui tadi selesai dilaksanakan.

Kerugian dialami penduduk didakwa mencecah ratusan ribu ringgit. Siapa yang akan bertanggungjawab dalam perkara ini?

MUHAMMAD HILMAN: Dalam perbincangan saya bersama dengan MPS dan pemaju, pihak pemaju telah memberikan jaminan bahawa segala kerugian penduduk akan ditanggung sepenuhnya oleh mereka melalui 'Insurs Public Liability' pemaju.

Ia selaras dengan kegagalan pemaju sendiri untuk mengawal selia pembinaan di tapak terlibat. Pada masa sama, infrastruktur kediaman penduduk yang mengalami keretakan atau roboh, semuanya sedang dibalik oleh pihak pemaju. Insya-ALLAH kerja-kerja itu akan siap dalam tempoh yang singkat.



Air turut memasuki ruang dapur rumah penduduk.



Kedua-dua gambar ini menunjukkan keadaan banjir kilat yang melanda kawasan Taman Mutiara Gombak 2.

Headline	Penduduk tetap bantah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	23	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	214 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,537
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,611



Penduduk tetap bantah

AMPANG – Penduduk di Taman Ukay Bistari membantah tindakan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) merobohkan tembok penghadang di Jalan UB2A di sini, semalam.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Ukay Bistari, Datuk Kamarudin Mohamed mendakwa tindakan meroboh tembok yang dibina penduduk itu tidak dimaklumkan.

“Kami telah memfailkan perkara tersebut di mahkamah untuk tindakan lanjut. Penduduk juga mahu berbincang dengan pemaju dan MPAJ bagi menyelesaikan perkara ini ini,” katanya.

Sebelum ini, penduduk mendakwa penggunaan jalan di kawasan perumahan mereka mengakibatkan kesesakan jika pemaju kondominium berkenaan menggunakan Jalan UB2A sebagai jalan utama selain faktor keselamatan.

Sinar Harian September lalu melaporkan mengenai bantahan penduduk sejak dua tahun lalu.

Melalui laporan itu, penduduk juga telah mengadakan beberapa perjumpaan bersama



Penduduk Taman Ukay Bistari membantah tindakan MPAJ merobohkan tembok penghadang di Jalan UB2A.

MPAJ dan mendakwa pihak berkenaan berjanji secara lisan bahawa Jalan UB2A itu tidak akan digunakan.

Bagaimanapun, penduduk terabit dimaklumkan pemaju melalui surat bahawa mereka mendapat kebenaran daripada MPAJ untuk menggunakan jalan tersebut dan merobohkan penghadang yang dibina penduduk.

Dalam kenyataan ADUN Hulu Kelang, Saari Sungib sebelum ini memaklumkan bantahan penduduk berasas kerana jalan sempit serta memba-

hayakan penduduk.

Menurutnya, pemaju perlu menyediakan jalan alternatif lain ke tapak projek pembangunan pangsa-puri tersebut.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad ketika dihubungi berkata, kerja perobohan tembok itu telah dilaksanakan pada awal April lalu.

“Saya difahamkan perobohan tembok itu bagi tujuan memberi laluan kepada pembinaan jalan oleh pemaju yang menyambungkan ke Jalan UB2A,” katanya.

Headline	Bantahan diberi perhatian		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	33	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	340 cm ²
Journalist	ARZIANA MOHMAD AZAMAN	AdValue	RM 7,208
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,624



Bantahan diberi perhatian

Lencongan jajaran baru ECRL bukti suara kerajaan negeri didengari

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

BESTARI JAYA

Lencongan jajaran baru Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) membuktikan kerajaan mendengari suara bantahan kerajaan negeri demi memelihara aset berharga Selangor.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, projek pembinaan ECRL yang disambung semula dengan kos lebih rendah

disokong kerana tidak mengganggu penempatan Orang Asli dan Permatang Kuarza Gombak.

Sebelum ini, ada bantahan kerana jajaran asal menjelaskan tanah orang Asli Batu 12, Gombak dan Permatang Kuarza Gombak selain turut memberi kesan terhadap Banjaran Titiwangsa.

"Kerajaan negeri juga akan mendaftarkan Permatang Kuarza Gombak sebagai kawasan Geopark Kebangsaan seperti digazetkan di Langkawi, sekali gus dijadikan pusat kajian dengan nilai tinggi."

"Mungkin tarafnya belum mencapai tapak warisan Unesco sebab nak ke arah itu jauh lagi tapi kerajaan negeri amat mementingkan aset ini. Sebab itu jajaran baru dilencangkan tanpa menjelaskan aset ini,"

katanya selepas merasmikan dan menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Debat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2019 di Universiti Industri Selangor (Unisel) Kampus Bestari Jaya, semalam.

Menurutnya, kewujudan stesen ECRL di Gombak mungkin akan memberikan manfaat kepada penduduk setempat bagaimanapun sekiranya dapat menyelamatkan aset Selangor dan tidak menjelaskan penempatan Orang Asli adalah lebih baik.

Terdahulu, Projek ECRL yang pertama kali dibentuk pada Julai 2018 lalu diumumkan akan disambung semula dengan pengurangan kos RM21.5 bilion bagi fasa 1 dan 2.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan berkata, pengurangan kos

info

Kerajaan negeri akan daftar Permatang Kuarza Gombak sebagai kawasan Geopark Kebangsaan

asal dari RM65.5 bilion kepada RM44 bilion itu berjaya dikurangkan setelah Malaysia Rail Link Sdn Bhd dan China Communications Construction Company Ltd sepakat memeterai satu perjanjian tambahan.

Perjanjian tambahan merangkumi aspek Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentaulihan (EPCC) ECRL dapat dicapai selepas rundingan antara syarikat terlibat serta kerajaan Malaysia dan China diadakan dalam tempoh beberapa bulan.



Jarak landasan dikurangkan kepada 648 kilometer berbanding 688 kilometer.

Headline	UiTM A juara Pertandingan Debat IPT 2019		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	33	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	399 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,459
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,376



UiTM A juara Pertandingan Debat IPT 2019

BESTARI JAYA - Pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) A muncul juara Pertandingan Debat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2019, sekaligus membawa pulang Piala Dato Menteri Besar Selangor dan ganjaran wang tunai RM8,000.

Pasukan debat yang diketuai penuntut jurusan perundangan UiTM Shah Alam, Mohamad Azizi Hamil, 22, itu turut dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik Keseluruhan.

Rakan sepasukannya, penuntut jurusan perundangan UiTM Shah Alam, Mohammad Syafiq Jebat, 22, turut dinobatkan Pendebat Terbaik Akhir dan dibantu seorang lagi rakan, Nurul Syafiqah Zamri, 22, dari fakulti sama.

Menurut Muhammad Azizi, kerja keras membahagikan masa antara kuliah dan meneleah pelajaran digunakan sebaiknya dengan kajian untuk persediaan berdebat dalam masa tiga minggu.

"Sebenarnya, nak masuk pertandingan ini pun kami kena hadapi ujian kerana lebih 40 penuntut seluruh negara mahu menyertainya dan hanya lapan peserta terbaik terpilih mewakili UiTM.



Amirudin (belakang, lima dari kanan) bersama pemenang Pertandingan Debat IPT 2019 di Dewan Canselor Unisel Kampus Bestari Jaya.

"Bagi saya, pertandingan ini cukup baik bagi memberi kesedaran kepada penuntut IPT mengenai revolusi Industri 4.0 dan dasar kerajaan dalam berdepan perubahan teknologi," katanya ketika ditemui selepas penyampaian hadiah yang disempurnakan oleh Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari di Dewan Canselor Universiti Industri Selangor (Unisel) Kampus Bestari Jaya, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor Unisel, Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman dan ADUN Permatang Rozana Zainal Abidin.

Bagi Muhammad Syafiq, pi-

haknya juga berterima kasih kepada kerajaan negeri yang menganggurkan jurkan pertandingan seperti ini sekali gus memberikan pengalaman cukup berharga.

"Isu yang dibahaskan memberi kami membuat kajian yang menyeluruh sekali gus memberi pengetahuan baharu selain kesedaran sebagai penuntut untuk berdepan revolusi industri 4.0.

"Kejayaan ini juga sebagai



Mohamad Azizi (tiga dari kanan) yang dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik Keseluruhan menerima hadiah disampaikan oleh Amirudin.

ruh negara di Dewan Canselor Unisel Kampus Bestari Jaya, semalam.

Sementara itu, Amirudin berkata, pengajuran pertandingan ini cukup mengujakan dan pendebat ternyata membuat kajian terperinci mengenai isu yang dibahaskan.

"Perbahasan ini juga menguji dasar kerajaan negeri untuk dibincangkan dengan adanya idea yang boleh dikongsi secara tidak langsung menggalakkan budaya berfikir dengan sihat.

"Jika tahun sebelum ini, pertandingan ini dibuka kepada sekolah berasrama penuh dan mungkin akan dibuka kepada penglibatan sekolah harian.., tapi kena tengok format dan bincang dengan Majlis Debat Universiti.

"Mungkin jika tiada halangan, mungkin untuk pengajuran akan datang akan dibuka untuk penyertaan lebih ramai termasuk sekolah hari-an," katanya.

Pasukan UiTM A berjaya menewaskan 41 pasukan yang bertanding melibatkan 27 IPT selu-

Headline	Lembu dihantar ke pusat tahanan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Apr 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	34	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	116 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,299
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,898



Lembu dihantar ke pusat tahanan

KUALA KUBU BHARU

- Jabatan Penguatkuasa Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menjalankan operasi bersepadu menangkap lembu berkeleiaran di sekitar Pusat Perindustrian Zuhrah, semalam.

Operasi yang bermula jam 10 malam itu diketuai Penolong Pegawai Penguatkuasa Kanan MDHS, Khairul Nizam Mohamed Hanafi bersama 20 anggota penguat kuasa MDHS dan Jabatan Veterinar.

Khairul Nizam berkata, tiga lembu ditangkap dalam operasi hampir enam

jam itu dan ternakan tersebut dihantar ke pusat pembiakan lembu di Kampung Buloh Telor, Ampang Peceh sebagai pusat tahanan.

Menurutnya, operasi dijalankan selepas menerima aduan pengguna jalan raya dan pihak industri di kawasan berkenaan.

"Tindakan tangkapan dilaksanakan di bawah peruntukan undang-undang seksyen 4(1)(a) enakmen mengawal lembu kerbau Negeri Selangor 1971.

"Enakmen ini bersabit kesalahan membiarkan ternakan berada di dalam kawasan yang diwartakan

sebagai kawasan larangan untuk ternakan.

"Tempoh tujuh hari diberikan kepada pemilik untuk menuntut semula lembu yang ditangkap dan perlu menjelaskan kompaun, caj pengalihan serta tahanan yang ditetapkan," katanya.

Khairul Nizam berkata, jika tiada pihak melakukan tuntutan, kesemua haiwan ternakan itu akan dilelong melalui lelongan awam.

"MDHS akan mengambil tindakan tegas ke atas pemilik ternakan jika kejadian sama berulang," katanya.

Headline	Annual criterium attracts 590 cyclists in Shah Alam		
MediaTitle	The Star		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	175,986
Page No	15	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	296 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,954
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,862



Annual criterium attracts 590 cyclists in Shah Alam

SOFIAN Nabil Omar Mohd Bakri from team Malaysia emerged victorious in the Open Men's Bike Category at Shah Alam Criterium Championship this year.

Sofian finished ahead of Muhammad Danieal Haikkal Edy Suhaidee and Terengganu Cycling Team cyclist Mohd Zulhilmie Aff Ahmad Zamrie in third place.

This year's open category saw 110 participants tackling the course distance of 26.4 km.

Other categories contested were Boys Under-15 and Under-18, Women's Open, Junior Masters Men aged for those 36 to 45 years old, Senior Men aged 46 years old and above.

The annual criterium attracted 590 participants, including those from Singapore, Denmark and Japan.

There were also fun categories for children as young as two to encourage them to cycle.

The competition is one of Shah Alam City Council's ongoing efforts to provide opportunities for Shah Alam residents to be active in cycling activities and encourage a healthy lifestyle.

It also serves as a platform for competitive cyclists to evaluate their performance as well as inculcate the spirit of competitiveness and sportsmanship among participants.

The competition had a total cash purse of RM11,000.

Selangor Youth, Sports Development and Human Capital Development Committee chairman Mohd Khairuddin Othman and Shah Alam deputy mayor Mohd Rashidi Ruslan did the closing ceremony.



(From right) Mohd Rashidi and Mohd Khairuddin with the winners of the Men's Open category.

Headline	ECRL route change good for Gombak Quartz Ridge, says MB		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	36,278
Page No	4	Readership	108,834
Language	English	ArticleSize	464 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,994
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,983



ECRL route change good for Gombak Quartz Ridge, says MB

BESTARI JAYA: For Selangor, the federal government's decision to divert the East Coast Rail Link's (ECRL) route from Gombak will spare the state's rare and unique historical gem, the Gombak Quartz Ridge, as well as an Orang Asli settlement.

Menteri Besar Amirudin Shari said he was pleased with the federal government's move.

"This shows that the federal government was attentive to the state's objections to the earlier proposed route."

"One of our main objections was that the earlier ECRL route would split the Titiwangsa Range and part of it would affect the Gombak Quartz Ridge, which is a valuable asset to Selangor and the rakyat. We will apply for the Gombak Quartz Ridge to be recognised as a geopark, similar to Pulau Langkawi, where it will serve as a research centre."

"We had also objected to the earlier proposed route as it would affect the Orang Asli settlement in Batu I2, Gombak."

"So we see the ECRL's route was diverted based on our objections and that was why it will not go through Gombak but Jelebu instead," said Amirudin after launching the Higher Institution Debate Competition held at Universiti Selangor's (Unisel) Chancellor Hall.

Present was Unisel president and Vice-Chancellor Professor



Menteri Besar Amirudin Shari (third from right) handing over a trophy to the Higher Institution Debate Competition champions at Universiti Selangor in Bestari Jaya yesterday. PIC BY SAIRIEN NAFIS

Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman.

Amirudin said it would take time for the Gombak Quartz Ridge to be recognised as a geopark.

The "geopark" status was lower from the United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation's (Unesco) Heritage

Site status, which the state government would aim for in the future, he added.

He said while Gombak would have benefited by having an ECRL station, he felt that the decision to divert its route was worth it.

"This has helped the federal government to not only cut cost,

but also encourage the preservation and protection of the natural environment, especially the Gombak Quartz Ridge, and its heritage. In a way, the route is advantageous to Selangor as it starts in Port Klang," said Amirudin.

Asked if there have been proposed locations for the Port

Klang station, Amirudin said there were none yet.

Tun Daim Zainuddin, the prime minister's special envoy who led the ECRL talks with China, said the 648km link, to remain as a double-tracking line, would pass through Kota Baru-Mentakab-Jelebu-Kuala Kelawang-Bangi/Putrajaya-Port Klang.

Headline	Fishy stink driving residents mad		
MediaTitle	The Star		
Date	16 Apr 2019	Color	Black/white
Section	Letters	Circulation	175,986
Page No	15	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	98 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,352
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,056



Fishy stink driving residents mad

RESIDENTS in Bandar Botanik in Klang, Selangor are fed up with the bad smell caused by dead fish floating in a man-made lake there, reported *Makkal Osai*.

One of them, identified as Datuk Lingam, said the situation began early this month and despite several complaints, no action has been taken by the local authorities.

He said the water in the lake turned green and fish began dying, giving out a terrible stink as the carcasses decomposed.

Some 1,900 residents in the area have been affected by the foul smell, he said.

Another resident, Datuk Thanasekaran, said this had occurred twice in the same lake. Several reports have been filed with the

Selangor environmental department, Klang Municipal Council and Department of Health following the latest incident.

> *Makkal Osai* also reported that a man in Tamil Nadu, who lost both arms in a freak accident four years ago, tied the *thaali* (sacred marriage thread) with his girlfriend after receiving arm transplants.

Narayanasami worked as a ward manager at a hospital before losing his arms in a road accident in 2015.

After struggling for three years, doctors attached a new pair of arms from a deceased organ donor in a 13-hour operation.

Shortly after recovering from the operation, the man married his girlfriend Nadiya.

Headline	Review contracts, local councils urged		
MediaTitle	The Star		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	175,986
Page No	1TO3	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	1888 cm ²
Journalist	EDWARD RAJENDRA	AdValue	RM 95,381
Frequency	Daily	PR Value	RM 286,144



No sign of cleaners

Contractors are paid from Selangor ratepayers' pockets to maintain drains twice a month but residents say the job is rarely done, causing rubbish and silt to build up badly. >2&3



Forced to look away: A drain off Jalan Yadi in Klang is an eyesore for passers-by as it is choked with rubbish, plastic bags and bottles. — KAMARUL ARIFFIN/ The Star

Headline	Review contracts, local councils urged		
MediaTitle	The Star		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	175,986
Page No	1TO3	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	1888 cm ²
Journalist	EDWARD RAJENDRA	AdValue	RM 95,381
Frequency	Daily	PR Value	RM 286,144

Review contracts, local councils urged

Selangor residents say company will be more accountable if agreements are for shorter term

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

CITY and municipal drains in some parts of Selangor are clogged with single-use plastics, water bottles, dried leaves and silt that impede the flow of water.

With drains choked up with rubbish, the tendency for back flow to occur is high and this results in flash floods that inadvertently puts ratepayers at an inconvenience.

Residents claim that Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) Waste Management is not doing a good job despite being paid millions of ringgit.

Abdul Razak Ismail, who is part of an activist group called Otai Reformasi, said KDEB's contractors must ensure drains were desilted according to schedule.

"Drains are meant for running water to flow but now they have become rubbish bins of sorts."

"I saw a municipal drain filled with rubbish from the junction of Jalan Yadi, all along Jalan Sungai Bertih in Klang.

"With the current weather, the unbearable stink makes matters worse," he said, adding that for months the rubbish and caked up silt in the drains had not been scooped up.

"Cleaning contracts are awarded to firms without proper assessment of their capabilities and this is where the local councils in Selangor fail to look into providing good service to the people," he said, adding that drains in Taman



U (in orange) discussing the cleanliness of the drains with workers in Selayang Utama.

Sri Andalas as well as Port Klang neighbourhoods, Taman Bidara in Batu Caves, Puchong townships and Taman Medan in Petaling Jaya were neglected.

Consolidated Chinese Associations of Puchong president Dr Kow Cheong Wei said the drains in Puchong's commercial areas must be desilted and rubbish removed routinely.

"Drains in the commercial areas of Kinrara, Puchong Jaya, Puchong Perdana, Bandar Puchong Utama and Saujana Puchong need thorough cleaning. Workers just scoop litter on the surface while the thick black silt is ignored," he said.

Dr Kow said businesses in these

areas had made numerous complaints to the authorities but no action was taken.

"Workers shirk their duties; it has become a norm."

"It has been years and the situation is the same until a flash flood occurs," he said.

He said whenever a drain overflows, no one would take responsibility but instead the blame game would ensue.

Selayang Municipal Council (MPS) councillor U Chin Ong said people were unhappy with KDEB for failing to maintain drains in the municipality.

He said KDEB was in charge of cleaning drains but would only



react upon receiving several complaints from residents.

"Drains in Selayang Jaya, Selayang Utama and Sungai Buloh New Village are in a deplorable state as they are filled with rubbish and have not been cleaned for months."

"The contract states that cleaning must be done twice a month but KDEB workers are seen once in three months or on a follow-up to complaints," he added.

